**Drama Islam:**

# Pembukaan Kota Suci Mekah

**(Babak kelima)**

**Pemandangan pentas:**

Di rumah ketua orang-orang musyrikin; di dalam sebuah bilik yang ada terletak sebuah patung berhala yang besar

kelihatan Ḍuḥā sedang berdiri di hadapan patung berhala itu sambil menyapu-nyapu debu yang terlekat pada

segenap lembaga berhala itu seraya berkata:

**(Diterjemah oleh: A. Aziz al-Murshidi)**

Ḍuḥā: "Mengapa engkau tak berkuasa membersihkan anggotamu dengan tanganmu sendiri, wahai berhala tuhan yang palsu? Demi Allah aku tidak mengerti mengapa orang-orang kuffar musyrikin itu menyembah dan mengabdikan diri mereka kepadamu? Adakah engkau boleh memberikan jawapan yang tepat di atas pertanyaanku ini?" (Sambil diketuknya beberapa kali tentang kepala patung berhala itu dengan tangkai penyapu yang di tangannya, dan kemudian ia berkata pula): "Sesungguhnya engkau tidak mempunyai harga walau satu sen jua pun, wahai berhala tuhan yang palsu!.. Engkau tidak lebih daripada seketul batu pejal yang diukir merupakan sebuah lembaga manusia, berkaki, bertangan, berkepala dan beranggota lengkap, tetapi engkau tidak mempunyai sebarang kekuasaan jua pun. Ketua musyrik yang memiliki aku sentiasa menyuruh aku supaya sembahyang menyembahmu, tetapi aku bukannya seorang manusia yang bodoh, mahu menyembah patung-patung berhala yang tidak bernyawa...!"

Dengan secara diam-diam dan dengan tidak disedari oleh Ḍuḥā ketua musyrik tiba-tiba mengjengul di muka pintu bilik itu sambil ia memerhatikan segala gerak-geri yang dilakukan oleh Ḍuḥā dan mendengar segala-gala perkataan yang diucapkannya di hadapan patung berhala itu. Sewaktu ia menyaksikan perbuatan Ḍuḥā memukul-mukul kepala patung berhala dengan tangkai penyapu itu, hatinya mendidih panas... tetapi rasa kemarahannya itu ditahannya sehingga Ḍuḥā selesai daripada mengucapkan kata-kata yang berupa penghinaan terhadap patung berhala tuhan yang disembahnya itu. Setelah puas ia menghina patung berhala itu dengan kata nista dan maki hamun yang menyakitkan anak telinga, akhirnya Ḍuḥā berasa sangat geram, lalu dipegangnya leher berhala itu dan digoyang-goyangnya dengan sekuat-kuat hatinya, seolah-olah seperti perbuatan seorang yang sedang mencekik leher seorang manusia yang bernyawa. Perbuatan Ḍuḥā yang terakhir ini menyebabkan hilangnya rasa kesabaran hati ketua musyrik itu. Dengan secepat kilat ia pun terus melompat menerkam tengkuk Ḍuḥā dari belakang sambil mencekik dengan sekuat-kuat hatinya, seraya berkata dengan suara yang parau kegeraman: "Hai perempuan bedebah!... Perempuan jahanam!... Apa yang telah engkau lakukan terhadap tuhan yang aku sembah?" Ḍuḥā tak dapat berbuat apa-apa lagi kerana lehernya sedang berada di dalam cengkaman tangan ketua musyrik yang keras bak besi baja itu; walaupun demikian ia cuba juga meronta untuk melepaskan dirinya, tetapi tidak berhasil. Ketua musyrik itu terus juga mencekik tengkuknya sambil menjerit-jerit mengatakan:

Musyrik: "Aku akan habiskan nyawamu dengan tanganku ini, wahai perempuan bedebah!... Akan aku habiskan riwayat hidupmu sekarang dan di tempat ini juga!"

'Aliyā': (Terdengar bunyi suara suaminya terpekik terlolong dari dalam bilik ibadatnya itu: ia pun terus bangkit menerkam masuk ke dalam bilik itu. Setibanya ia ke dalam alangkah terperanjatnya sewaktu ia melihat suaminya sedang mencekik batang leher Ḍuḥā dari belakang dengan sekuat-kuat tenaganya yang

menyebabkan Ḍuḥā mengerang dan tak berdaya lagi untuk melepaskan dirinya dari bahaya maut yang sedang mengancamnya itu. Ia terus menerkam ke arah suaminya dan menarik tangan yang sedang mencengkam batang leher Ḍuḥā itu dengan sekuat-kuat hatinya, sambil berkata: "Lepaskan... lepaskan dia... jangan dibunuh budak ini dengan secara kejam!" Tetapi segala kata-kata isterinya itu sedikit pun tidak diendahkan oleh ketua musyrik itu, malahan dengan laungan suara yang lebih kuat ia terus berkata):

Musyrik: "Perempuan laknat ini telah menghina-hina dan memperolok-olokkan tuhan yang kita sembah, wahai 'Aliyā', dia telah beriman kepada agama baru yang dibawa oleh Muḥammad dan terus menjadi seorang Muslimah; dia telah menderhaka kepada tuhan kita al-Lāt dan al-'Uzzā; oleh itu riwayat hidupnya wajib dihabiskan sekarang juga!"

'Aliyā': (Terus menarik tangan suaminya seraya berkata): "Aku melarang engkau melakukan pembunuhan dengan cara sekejam ini... lepaskan dia... lepaskan perempuan mukminah ini dari cengkaman tanganmu yang kotor bernoda itu."

Musyrik: (Dengan suara yang terputus-putus menahan kemarahan terus berkata): "Engkau... engkau... cuba hendak... hendak melarang aku membunuh perempuan bedebah ini, wahai 'Aliyā'?" (Sambil ia melepaskan leher Ḍuḥā dari cengkaman kuku besinya itu).

Ḍuḥā: (Setelah terlepas dari

'Aliyā' berkata kepada Ḍuḥā: "Ḍuḥā terangkanlah segala kata-kata yang telah engkau ucapkan di dalam sembahyangmu itu. Aku juga telah menjadi seorang Muslimah seperti engkau."

cekikan tuannya, maka ia punv terus undur setapak demi setapak mendapatkan isteri tuannya itu seraya berkata): "Biarkanlah ia membunuh hamba asal sahaja puan hamba terlepas dari kezaliman yang akan dilakukan oleh laki-laki musyrik yang tidak bertimbang rasa ini, hamba tidak takut menghadapi mati kerana mempertahankan hak dan kebenaran!" Setelah ia habis mengucapkan kata-kata yang bersemangat itu, maka ia pun terus mengangkatkan kedua belah tangannya ke langit sambil berdoa ke hadrat Allah dengan khusyuk dan tawaduk).

Musyrik: (Sambil menghampiri isterinya ia berkata): Oh, kalau begitu engkau cuba hendak mempertahankan seorang Muslimah, 'Aliyā'?"

'Aliyā': (Dengan berani dan tegas lantas menjawab): "Ya benar! Akan aku pertahankan kesucian perempuan Muslimah ini hingga ke akhir hayatku!"

Musyrik: "Sungguh ajaib sekali perkataan yang keluar dari mulutmu itu, wahai 'Aliyā'? Adakah engkau juga telah menganut agama Islam dan menjadi seorang Muslimah?"

'Aliyā': (Dengan megah menjawab pertanyaan suaminya): "Ya, memang benar sebagaimana sangkaanmu itu, aku telah menjadi pengikut Nabi Muhammad (S.A.W)".

Ḍuḥā: (Pada ketika itu juga terus memeluk tubuh'Aliyā' dengan tujuan untuk mempertahankan tuannya itu dari sebarang angkara yang akan didatangkan oleh suaminya yang terkenal bengis dan zalim itu; kedua-duanya

berpeluk-peluk di antara satu sama lain dengan perasaan kasih mesra yang mendalam).

'Aliyā': (Dengan sikap yang tegas dan berani terus menghampiri suaminya seraya berkata): "Dengarlah akan firman Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*...!"

Musyrik: "Jangan!... Jangan engkau sebut-sebutkan ayat-ayat dari Qur'an yang dibawa oleh Muḥammad itu... aku tidak suka mendengarnya... dan aku tak mahu mendengarnya!"

'Aliyā': (Terus juga membacakan firman Allah yang berbunyi): **(*Ṭāhā. Mā anzalnā 'alayka al-Qur'āna li tashqā. Illā tadhkiratan li man yakhshā. Tanzīlan mimman khalaqa al-arḍa wa al-samāwāti al-'ūlā. Al-raḥmānu 'alā al-'arshi istawā. Lahu mā fī al-samāwāti wa mā fī al-arḍi wa mā baynahumā wa mā taḥta al-tharā*).**

Ertinya: "Hai Muḥammad! Tiadalah Kami turunkan al-Qur'ān ini kepadamu supaya engkau menjadi sengsara (susah), melainkan untuk jadi peringatan bagi orang-orang yang takut. Diturunkan oleh Allah yang menjadikan bumi dan langit yang tertinggi. Tuhan yang Maha Pengasih bersemayam di atas arasy-Nya (kerusi kerajaan-Nya), mempunyai apa-apa yang di langit, apa-apa yang di bumi dan apa-apa yang di antara keduanya, begitu pun apa-apa yang di bawah tanah."

Musyrik: (Terus melarikan diri keluar dari bilik itu dengan tergesa-gesa kerana takutkan jiwanya dipengaruhi oleh ayat-ayat al-Qur'ān yang dianggapnya mempunyai daya penarik sihir oleh orang-orang musyrikin, sambil berlari keluar itu ia menjerit-jerit dengan mengatakan): "Sudah cukup... sudah cukup! Aku tidak mahu mendengar ayat-ayat Qur'an yang dibawa oleh Muḥammad tukang sihir itu!"

'Aliyā': (Terus mengikuti suaminya dari belakang sambil memanggilnya): "Panglima!... Panglima!... Nanti dahulu panglima!"

Ḍuḥā: (Menarik tangan 'Aliyā' dari belakang seraya berkata): "Biarkanlah dia pergi, wahai puan hamba! Sesungguhnya ia telah melarikan diri dari kebenaran ayat-ayat Allah... malahan ia takut kepada bayang-bayangnya sendiri, semangatnya telah runtuh, tak ada seorang manusia pun yang sanggup menghalangi terpancarnya sinaran cahaya kebenaran; Islam telah mencapai kemenangan, wahai puan hamba!"

Musyrik: "Jangan!... Jangan engkau sebutkan ayat-ayat dari Qur'an yang dibawa oleh Muḥammad itu... aku tidak suka mendengarnya... dan aku tak mahu mendengarnya!"